



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 16

9hb Ogos 2021

TAMBAHAN
No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2021	3
Wood-Based Industries (Amendment) Enactment 2021	11

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1987.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG ini oleh Majlis Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan **Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2021**.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan Seksyen 2

2. Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [*Enakmen Bil. 3 tahun 1988*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dalam takrif “pengarah” teks bahasa kebangsaan subseksyen 2(1)—

2

Rang Undang-Undang

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pengarah Hutan Negeri” perkataan “Pengarah Perhutanan Negeri”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “Timbalan Pengarah Hutan Negeri” perkataan “Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri”.

Pindaan Seksyen 3

3. Seksyen 3 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen baharu (2A) yang berikut:

“(2A) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (2) boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”
dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen baharu (4) yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah subseksyen (3) boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya denda dan penjara itu.”

Pindaan Seksyen 6

4. Seksyen 6 Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen baharu (1A) yang berikut:

“(1A) Pihak Berkuasa Negeri boleh, pada bila-bila masa yang difikirkan wajar olehnya, menghendaki supaya pemegang lesen memberikan suatu jaminan tambahan, atau

Industri Berasas Kayu (Pindaan)

3

mendepositkan sejumlah wang tambahan, atau mengadakan deposit baru bagi menggantikan deposit yang telah dibuat sebelumnya kepada Kerajaan Negeri.”

Seksyen baharu 8A

5. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 8 seksyen baharu 8A yang berikut:

“Pembaharuan lesen

- 8A.** (1) Sesuatu lesen boleh, tertakluk kepada apa-apa arahan Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana kaedah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, dibaharui oleh Pengarah bagi pihak Pihak Berkuasa Negeri.
- (2) Suatu permohonan pembaharuan lesen hendaklah dikemukakan kepada Pengarah tidak kurang daripada tiga puluh hari sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.
- (3) Pengarah boleh, setelah meluluskan permohonan pembaharuan lesen, mengubah, memotong atau menambah apa-apa terma, syarat dan peruntukan lesen itu.
- (4) Peruntukan ini tidak mengurangkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri bagi menjalankan sendiri kuasa untuk membaharui lesen.”

Pindaan Seksyen 17

6. Seksyen 17 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” perkataan “dua puluh ribu ringgit”.

Pindaan Seksyen 20

7. Subseksyen 20(3) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” dan “satu tahun” masing-masing dengan perkataan “dua puluh ribu ringgit” dan “dua tahun”.

Pindaan Seksyen 21

8. Subseksyen 21(3) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “satu ribu ringgit” dan “enam bulan” masing-masing dengan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dan “satu tahun”.

Penggantian Seksyen 22

9. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 22 dengan seksyen yang berikut:

“Permulaan pendakwaan

22. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.”

Pindaan Seksyen 27

10. Seksyen 27 Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” perkataan “sepuluh ribu ringgit”.

Pindaan Seksyen 28

11. Perenggan 28(i) Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dua ribu ringgit” perkataan “sepuluh ribu ringgit”.

Seksyen baharu 28A

12. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen baharu 28A yang berikut:

“Pengkompaunan kesalahan

- 28A.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat kaedah-kaedah bagi menetapkan kesalahan di bawah Enakmen ini yang boleh dikompaun.
- (2) Pengarah boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini yang dilakukan oleh mana-mana orang dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompaun oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Pengarah suatu jumlah yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu.
- (3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.
- (4) Jika keseluruhan amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (2) tidak dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas tempoh itu.
- (5) Jika keseluruhan amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (2) telah dibayar dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pengarah, tiada pendakwaan

berkenaan dengan kesalahan itu boleh dimulakan dan apa-apa benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pengarah, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut untuk dikenakan mengikut syarat kompaun oleh Pengarah.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1987 [*Enakmen Bil. 3 tahun 1988*].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Enakmen ibu dalam takrif “pengarah” dengan menggantikan gelaran jawatan kepada Pengarah Perhutanan Negeri dan Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Enakmen ibu bagi memasukkan subseksyen baharu (2A) dan (4). Subseksyen baharu (2A) mengadakan peruntukan bagi denda sehingga lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga lima tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan melibatkan diri dalam industri berasas kayu tanpa lesen. Manakala subseksyen baharu (4) mengadakan peruntukan bagi denda sehingga dua puluh lima ribu ringgit atau pemenjaraan sehingga dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan membantu dalam industri berasas kayu tanpa lesen.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 6 Enakmen ibu bagi memasukkan subseksyen baru (1A) yang memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mendapatkan jaminan dan deposit tambahan daripada pemegang lesen atau gantian deposit yang dibuat terdahulu oleh pemegang lesen.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 8A ke dalam Enakmen ibu bagi membolehkan Pengarah Perhutanan Negeri memperbaharui lesen bagi Pihak Berkuasa Negeri tertakluk kepada apa-apa arahan dan mana-mana kaedah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Peruntukan ini tidak mengurangkan kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk menjalankan sendiri kuasa untuk memperbaharui lesen.
7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 17 Enakmen ibu untuk menaikkan amaun denda dari lima ribu ringgit kepada dua puluh ribu ringgit bagi kesalahan mengganggu apa-apa barang yang disita di bawah Enakmen ibu.

Industri Berasas Kayu (Pindaan)

7

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 20(3) Enakmen ibu untuk menaikkan amaun denda dari dua ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya kepada denda sebanyak dua puluh ribu ringgit atau dua tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan menghalang pegawai hutan menjalankan kuasanya di bawah Enakmen ibu.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 21(3) Enakmen ibu untuk menaikkan amaun denda dari satu ribu ringgit atau enam bulan penjara atau kedua-duanya kepada denda sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya yang boleh dikenakan terhadap mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa kehendak pegawai hutan atau pegawai polis berhubung dengan apa-apa alat pengangkutan yang hendak disiasat yang berada di bawah kawalan atau tanggungjawab orang tersebut.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk menggantikan seksyen 22 Enakmen ibu. Seksyen 22 yang baru mengadakan peruntukan bagi semua pendakwaan terhadap apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ibu tidak boleh dimulakan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya selaras dengan Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 27 Enakmen ibu untuk menaikkan amaun denda dari dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit sebagai penalti am.

12. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda subseksyen 28(i) Enakmen ibu untuk menaikkan amaun denda dari dua ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit bagi kesalahan di bawah mana-mana kaedah yang dibuat di bawah seksyen itu.

13. *Fasai 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 28A ke dalam Enakmen ibu yang mengadakan peruntukan bagi pengkompaunan kesalahan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR, PERLIS

Bertarikh 30 Julai 2021

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 4]

MOHD RADHI BIN ABAS
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend the Wood-Based Industries Enactment 1987.

[]

ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the **Wood-Based Industries (Amendment) Enactment 2021**.

(2) This Enactment shall come into operation on the date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Amendment of Section 2

2. Wood-Based Industries Enactment 1987 [*Enactment No. 3 of 1988*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended in the definition of “pengarah” the national language text subsection 2(1)—

- (a) by substituting for the words “Pengarah Hutan Negeri” the words “Pengarah Perhutanan Negeri”; and
- (b) by substituting for the words “Timbalan Pengarah Hutan Negeri” the words “Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri”.

Amendment of section 3

3. Section 3 of the principal Enactment is amended—

- (a) by inserting after subsection (2) new subsection (2A) as follow:

“(2A) Any person who commits the offence under subsection (2) shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both such fine and imprisonment.” and

- (b) by inserting after subsection (3) new subsection (4) as follow:

“(4) Any person who commits the offence under subsection (3) shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding twenty-five thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both such fine and imprisonment.”

Amendment of section 6

4. Section 6 of the principal Enactment is amended by inserting after subsection (1) new subsection (1A) as follow:

“(1A) The State Authority may, whenever it thinks fit to do so, require a license holder to furnish an additional security, or to deposit an additional sum of money, or to provide a new deposit to replace the deposit made previously to the State Government.”

New section 8A

5. The principal Enactment is amended by inserting after section 8 new section (8A) as follow:

“Renewal of license

- 8A. (1) A license may, subject to any direction by the State Authority and to any rule prescribed by the State Authority, be renewed by the Director on behalf of the State Authority.
- (2) An application for renewal of a license shall be submitted to the Director not later than thirty days before the expiry of the license.
- (3) The Director may, upon approving an application for the renewal of a license, vary, delete or add to any term, condition and provision of the license.
- (4) This provision shall not derogate from the power of the State Authority to exercise itself the power to renew licenses.”

Amendment of Section 17

6. Section 17 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “five thousand ringgit” the words “twenty thousand ringgit”.

Amendment of Section 20

7. Subsection 20(3) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “two thousand ringgit” and “one year” the words “twenty thousand ringgit” and “two years” respectively.

Amendment of Section 21

8. Subsection 21(3) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “one thousand ringgit” and “six months” the words “ten thousand ringgit” and “one year” respectively.

Substitution of Section 22

9. The principal Enactment is amended by substituting for section 22 the following section:

“Institution of prosecution

22. No prosecution for or in relation to any offence under this Enactment shall be instituted except by or with the written consent of the Public Prosecutor.”

Amendment of Section 27

10. Section 27 of the principal Enactment is amended by substituting for the words “two thousand ringgit” the words “ten thousand ringgit”.

Amendment of Section 28

11. Paragraph 28(i) of the principal Enactment is amended by substituting for the words “two thousand ringgit” the words “ten thousand ringgit.”

New section 28A

12. The principal Enactment is amended by inserting after section 28 new section (28A) as follow:

“Compounding of offences

28A. (1) The State Authority may make rules to prescribe the offences under this Enactment which may be compounded.

Wood-Based Industries (Amendment)

5

- (2) The Director may, with the written consent of the Public Prosecutor, offer to compound any offence under this Enactment committed by any person and prescribed to be a compoundable offence by rules made under this Enactment by making a written offer to such person to compound the offence upon payment to the Director of such amount not exceeding fifty per centum of the amount of the maximum fine for that offence within such time as may be specified in the offer.
- (3) An offer under subsection (2) may be made at any time after the offence has been committed, but before any prosecution for it has been instituted.
- (4) If the full amount specified in the offer under subsection (2) is not paid within the period of time specified in the offer or within such extended period as the Director may grant, prosecution for the offence may be instituted at any time after that.
- (5) If the full amount specified in the offer under subsection (2) is paid within the period of time specified in the offer or within such extended period as the Director may grant, no prosecution shall thereafter be instituted and anything seized in connection with the offence may be released or forfeited by the Director, subject to such terms and conditions as the Director thinks fit to impose in accordance with the conditions of the compound.”

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Wood-Based Industries Enactment 1987 [*Enactment No. 3 of 1988*].

2. *Clause 1* contains the short title and the commencement provision of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to amend section 2 of the principal Enactment in the definition of “pengarah” by substitute the office to the *Pengarah Perhutanan Negeri* and the *Timbalan Pengarah Perhutanan Negeri*.

4. *Clause 3* seeks to amend section 3 of the principal Enactment to introduce new subsections (2A) and (4). The new subsection (2A) provides for a fine of up to fifty thousand ringgit or imprisonment for a term up to five years or to both such fine and imprisonment for the offence of engaging in any unlicensed wood-based industry while the new subsection (4) provides for a fine up to twenty-five thousand ringgit or imprisonment for a term up to two years or to both such fine and imprisonment for the offence of assisting in any unlicensed wood-based industry.

5. *Clause 4* seeks to amend section 6 of the principal Enactment to introduce a new subsection (1A) which empowering the State Authority to require additional security and deposit from a license holder or a new deposit to replace the deposit given previously by the license holder.

6. *Clause 5* seeks to introduce a new section 8A into the principal Enactment to enable the State Director of Forestry to renew license on behalf of the State Authority subject to such directions and any rules prescribed by the State Authority. This provision does not derogate the power of the State Authority to exercise itself the power of renewal of licenses.

7. *Clause 6* seeks to amend section 17 of the principal Enactment to increase the fine from five thousand ringgit to twenty thousand ringgit for the offence of tampering with anything seized under the principal Enactment.

8. *Clause 7* seeks to amend subsection 20(3) of the principal Enactment to increase the amount of fine from two thousand ringgit or one year imprisonment or to both such fine and imprisonment to twenty thousand ringgit or two years imprisonment or to both such fine and imprisonment for the offence of obstructing a forest officer in carrying out his powers under the Enactment.

Wood-Based Industries (Amendment)

7

9. *Clause 8* seeks to amend section 21(3) of the principal Enactment to increase the amount of fine from one thousand ringgit or six months imprisonment or to both such fine and imprisonment to ten thousand ringgit or one year imprisonment or to both such fine and imprisonment which may be imposed on any person who fails to comply with any requirement of a forest officer or a police officer relating to any conveyance that is being investigated and which under the control or charge of such person.

10. *Clause 9* seeks to substitute section 22 of the principal Enactment. The new section 22 makes provision for all prosecutions for any offence under the principal Enactment not to be instituted without the written consent of the Public Prosecutor to be in line with Article 145 of the Federal Constitution.

11. *Clause 10* seeks to amend section 27 of the principal Enactment to increase the amount of fine from two thousand ringgit to ten thousand ringgit as a general penalty.

12. *Clause 11* seeks to amend section 28(i) of the principal Enactment to increase the amount of fine from two thousand ringgit to ten thousand ringgit for an offence under any rules made under that section.

13. *Clause 12* seeks to introduce a new section 28A into the principal Enactment which makes provisions for the compounding of offences.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the Government in any extra financial expenditure.

KANGAR, PERLIS

Dated 30 July 2021

[SUK.Ps. 05/392 Jld. 4]

MOHD RADHI BIN ABAS
State Legal Adviser
Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA